

RABU • 01.02.2017

ALAM AKADEMIK



TIMUR

Sukarelawan UMP bimbing pemimpin pelajar

Oleh ZAMZURINA AHMAD
zamzurina.ahmad@gmail.com

■ KUANTAN 31 JAN.

SERAMAI 25 mahasiswa dari Kelab InSmartive, Universiti Malaysia Pahang (UMP) memanfaatkan cuti semester dengan menayakan Kem Interaksi Pemimpin Muda (Inteam) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chiku 2, Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini.

Program selama tiga hari itu merupakan penganturan kali ketiga yang dilaksanakan di sekolah berkenaan sejak 2015.

Menurut Pengurus Projek, Nur Afiqah Turidi, 23, Kem Interaksi Pemimpin Muda itu memabatkan penyertaan seramai 90 pegawai sekolah dengan memfokuskan kepada pembentukan jati diri.

"Pelaksanaan modul memfokuskan kepada pembentukan jati diri para peserta yang bakal berperanan sebagai pemimpin muda pada masa akan datang.

"Kandungan modul direka-bentuk berdasarkan enam aspirasi pelajar menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025 iaitu Kemahiran Kepimpinan, Kemahiran Berfikir, Etika dan Kerohanian, Identiti Nasional, Pengetahuan dan Profisiensi Dwibahasa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Menurut Nur Afiqah, peserta menjalani pelbagai aktiviti interaktif bagi menguji semangat kerja berpasukan, kemahiran membuat



WAN ADNAN WAN ABDULLAH (tiga dari kanan) dan Asraf Ahmad bersama peserta Kem Interaksi Pemimpin Muda anjuran Kelab InSmartive UMP di Sekolah Menengah Kebangsaan Chiku 2, Gua Musang, Kelantan, baru-baru ini. -GAMBAR ISHAR UMP



Pelaksanaan modul memfokuskan kepada pembentukan jati diri para peserta yang bakal berperanan sebagai pemimpin muda pada masa akan datang.

NUR AFIQAH TURIDI
Pengurus Projek

keputusan, keupayaan mengendalikn krisis dan bakat penguasaan awam melalui modul-modul yang

dirumuskan khusus seperti *Mulanya Di Sini, Our Anthem, Work It Out, Multum In Parvo, 55, Mari Menyiasat dan Cerminkan Diri*.

Sementara itu, Pengetua SMK Chiku 2, Md. Basri Arifin berharap supaya jalinan kerjasama yang terjalin antara pihak sekolah dan UMP melalui inisiatif Kelab InSmartive ini dapat dikembangkan kepada program motivasi kecermerlangan akademik untuk para pelajar.

"Saya harap jalinan kerjasama ini tidak terhenti di sini dan mungkin pada masa akan datang boleh dirangka program motivasi

khususnya dalam kalangan calon pegeriksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," jelasnya.

Pada kem tersebut menyaksikan Mohamad Nuzul Hakimi Mat Zain, 17, dan Nur Idayu Mohd Latue, 16, diumumkan sebagai Peserta Terbaik dalam majlis penutup yang disempurnakan oleh Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Wan Adnan Wan Abdullah.

Turut hadir ialah Pembantu Penyelidik, Pejabat Naib Canselor UMP, Mohd. Mukhris Awang yang mewakili Penasihat InSmartive dan Presiden InSmartive, Asraf Ahmad.